

٤ - بَابُ قَوْلِ الْمُحَدِّثِ: حَدَّثَنَا، وَأَخْبَرَنَا، وَأُنَبَّأَنَا. وَقَالَ لَنَا الْحُمَيْدِيُّ: كَانَ عِنْدَ ابْنِ عُيَيْنَةَ حَدَّثَنَا، وَأَخْبَرَنَا، وَأُنَبَّأَنَا، وَسَمِعْتُ وَاحِدًا. وَقَالَ ابْنُ مَسْعُودٍ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ. وَقَالَ شَقِيقٌ: عَنْ عَبْدِ اللَّهِ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَةً. وَقَالَ حُذَيْفَةُ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثَيْنِ. وَقَالَ أَبُو الْعَالِيَةِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فِيمَا يَرُوي عَنْ رَبِّهِ وَقَالَ أَنَسٌ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فِيمَا يَرُوي عَنْ رَبِّهِ عَزَّ وَجَلَّ. وَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَرُوي عَنْ رَبِّكُمُ عَزَّ وَجَلَّ.

Bab (4): Kata-Kata Muhaddits, "Haddatsana", "Akhbarana" Dan "Anba'ana."³¹
 Humaidi Berkata Kepada Kami: "Di Sisi Sufyan Bin 'Uyainah, "Haddatsana",

³¹ Sumber Dan Punca Ilmu Pengetahuan Umat Islam

Setelah Imam Bukhāri memberitahu tentang kepentingan ilmu dan ilmu-ilmu yang diperlukan terlebih dahulu seperti ilmu tentang keimanan dan ibadah, beliau membuat pula tajuk bab ini untuk menyatakan bahawa sumber ilmu pengetahuan umat Islam tidaklah sama dengan agama lain yang penuh dengan kisah-kisah dongeng, kerana ia selain berpunca daripada al-Qur'ān yang *mutawātir* di setiap peringkat generasi, juga mempunyai sumber kedua berupa ḥadīths-ḥadīths yang *shahīḥ* dan *tsābit*.

Imam Bukhāri mengisytarkan bahawa agama yang boleh kita terima ialah yang mempunyai sanad kerana 'sanad adalah sebahagian daripada agama, jikalau tiada sanad tentu sesiapa sahaja boleh mengatakan apa yang ia kehendaki' *لَوْلَا الْإِسْنَادُ مِنَ الدِّينِ، لَوَلَا الْإِسْنَادُ لَقَالَ مَنْ شَاءَ مَا شَاءَ* seperti kata Ibnu al-Mubārak.

Kepentingan sanad ini tidak terhad untuk ilmu ḥadīths sahaja, ia juga diperlukan dalam ilmu sirah dan sejarah terutama sejarah nabi-nabi, Rasulullah s.a.w. dan para Shahābat Baginda sekalian, kerana dengan rosaknya naratif sesebuah agama, rosaklah juga imej pengikutnya. Selain daripada itu, beliau juga ingin menyatakan adanya perbezaan di antara istilah-istilah yang digunakan dalam ilmu ḥadīths.

Ibnu Rusyaid berpendapat, Imam Bukhari menerusi tajuk bab yang diadakan olehnya ini mengisytarkan bahawa Kitab Sahih yang dikarangnya ini adalah berlandaskan hadiths-hadiths yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. dengan sanad yang lengkap.

Hafizh Ibnu Hajar pula berpendapat, tujuannya ialah menimbulkan soalan adakah semua lafaz menerima (taḥammul) hadiths yang tersebut itu sama atau tidak? Dengan

"*Akhbarana*", "*Anba'ana*" Dan "*Sami'tu*" Adalah Sama."³² Ibnu Mas'ud Berkata: "*Haddatsana*" (Telah Bersabda Kepada Kami) Rasulullah S.A.W.³³ Baginda Adalah Seorang Yang Benar Dan Dibenarkan."³⁴ Syaqq Berkata: Daripada

mengemukakan pandangan Ibnu 'Uyainah Imam Bukhari mahu menyatakan pendapat pilihannya.

³² *Haddatsana* ialah satu istilah penyampaian *ḥadīths* di mana guru membaca *ḥadīths* dan murid mendengarnya. *Akhbarana* pula ialah murid membaca *ḥadīths* dan guru mendengarnya. *Anba'ana* ialah *ḥadīths* yang diperolehi seseorang dengan cara *ijāzah* sama ada secara lisan atau bertulis.

Imam Bukhārī mengemukakan pendapat Sufyān bin 'Uyainah di sini untuk menyatakan sokongan beliau terhadap pandangannya iaitu istilah *ḥaddatsana*, *anba'ana* dan *akhbarana* memberikan ma'na yang sama sahaja, jadi ia boleh dipakai dengan maksud yang sama, tidak seperti 'ulama' *ḥadīths* lain yang menyebutkan dengan terperinci perbezaannya seperti Imam Muslim dan Imam Abu Daud contohnya.

³³ Di sini pula Imam Bukhārī ingin memberitahu tentang asal usul istilah *ḥaddatsana* yang digunakan dalam ilmu *ḥadīths*, ia berpunca daripada Shaḥābat (Ibnu Mas'ud) yang menceritakan kepada perawi di bawahnya dengan menggunakan lafaz tersebut. Kata-kata Ibnu Mas'ud ini dikemukakan Bukhari secara ta'liq sahaja di sini. Ia merupakan sebahagian daripada *ḥadīths* masyhur tentang kejadian janin. Imam Bukhari mengemukakannya secara maushul di dalam Kitab al-Qadar.

Di dalam al-Qur'ān juga ada digunakan kata perintah yang berpunca daripada kata akar yang sama, seperti pada firman Allah berikut:

وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

Bermaksud: Adapun ni'mat Tuhanmu, maka hendaklah engkau sebut-sebutkan (dan zahirkan sebagai bersyukur kepadaNya). (ad-Dhuḥa:11)

Ni'mat Allah yang paling besar ialah agama, cara untuk menyebut, menzahir dan memberitahu tentangnya kepada orang lain pula adalah melalui *ḥadīths*, kerana banyak perkara yang tersebut dalam al-Qur'ān diberitahu secara ringkas sahaja dan tidak disebutkan secara terperinci seperti di dalam *ḥadīths-ḥadīths* Rasulullah s.a.w.

Istilah *anba'ana* pula diambil daripada firman Allah:

وَلَا يَنْبَغُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ ﴿١٤﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) tidak ada yang dapat memberitahu kepadamu (wahai Muḥammad akan hakikat yang sebenarnya) seperti yang diberitahu oleh Allah Yang Maha Mendalam PengetahuanNya. (Fāthir:14)

³⁴ Maksudnya ialah Nabi s.a.w. adalah seorang yang memang benar dan Allah s.w.t. sendiri membenarkannya (menta'dīlkannya), tidak seperti para 'ulama', mujtahid atau orang-orang lain, kerana pendapat yang dianggap mereka betul tidak diketahui lagi hakikatnya, adakah ia memang betul atau tidak, kerana Allah s.w.t. tidak membenarkannya seperti Rasulullah s.a.w.

'Abdillah Bin Mas'ud; "Saya Mendengar Nabi S.A.W. Mengucapkan Sesuatu."³⁵ Hudzaifah Berkata; "Rasulullah S.A.W. Menceritakan Kepada Kami Dua Had ts."³⁶ Abu Al-`Aaliyah Meriwayatkan Daripada Ibnu `Abbas Daripada Nabi S.A.W.³⁷ Tentang Apa Yang Diceritakan Daripada Tuhannya.³⁸ Anas Berkata:

Dengan itu, umat Islam dapat menerima sabdaan Rasulullah s.a.w. dengan senang hati tanpa teragak-agak lagi.

Imam Bukhāri juga mengisyaratkan kepada keharusan menambah sifat-sifat yang bersesuaian dengan seseorang perawi sama ada dalam bentuk *jarh* atau *ta'dīl*.

³⁵ Istilah "aku telah mendengar" atau سَمِعْتُ juga mempunyai asasnya seperti tersebut di sini.

³⁶ Satu lafaz *haddatsana* tidak semestinya hanya mengandungi satu *ḥadīth* (cerita), ia boleh juga digunakan dalam penyampaian dua atau lebih *hadīth*s.

Tujuan Imam Bukhari mengemukakan riwayat-riwayat *ta'liqāt* di atas ialah untuk menyatakan para sahabat itu kadang-kadang menggunakan lafaz *haddatsana* ketika menyampaikan sesuatu *hadīth* Nabi s.a.w. Kadang-kadang pula mereka menggunakan lafaz سمعت. Semua itu menunjukkan mereka tidak kisah sangat dalam penggunaan lafaz-lafaz tersebut.

³⁷ Di sini pula Imam Bukhāri menceritakan asal usul bagi istilah riwayat *'an`anah* atau riwayat yang menggunakan lafaz عَنْ, ia adalah riwayat yang ada kemungkinan seseorang perawi itu tidak mendengar secara langsung daripada perawi di atasnya, seperti Ibnu `Abbās yang dikemukakan olehnya di sini.

Mengikut para 'ulama' *ḥadīth*s, Ibnu `Abbās hanya meriwayatkan 4 sahaja *ḥadīth*s secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. Paling banyak pun tidak melebihi 20 *ḥadīth*s. Maka boleh jadi ada perawi yang digugurkan (tidak disebut) oleh Ibnu `Abbās dalam periwayatannya apabila beliau menggunakan riwayat *'an`anah* begini. Perawi yang tidak disebut oleh Ibnu `Abbās itu pula adalah *Shahābat*, maka ia dikategorikan sebagai *ḥadīth mursal Shahābi*.

Anas bin Mālik juga adalah antara perawi yang meriwayatkan secara *'an`anah* kerana beliau masih kecil ketika bersama Rasulullah s.a.w., beliau juga merupakan orang Madinah dan banyak peristiwa Mekah yang diriwayatkannya sepatutnya tidak dapat diketahuinya sendiri secara langsung, cuma boleh jadi Rasulullah s.a.w. sendiri menceritakannya pula kemudiannya atau ia dipelajari dan didengari daripada *Shahābat-shahābat* lain.

Abu Hurairah juga banyak meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. secara *'an`anah*, semuanya telah diisyaratkan oleh Imam Bukhāri di penghujung tajuk bab ini.

Hadīth-hadīth qudsi yang dikemukakan oleh Ibnu `Abbaas, Anas dan Abu Hurairah itu dikemukakan oleh Bukhari secara *ta'liq* sahaja di sini, sedangkan di dalam Kitab at-Tauḥīd ia dikemukakan secara *maushūl*.

³⁸ Al-Qur'ān juga diambil Rasulullah s.a.w. daripada Allah s.w.t. cuma melalui perantaraan Jibrīl a.s., ini menunjukkan bahawa *ḥadīth*s adalah wahyu yang terus daripada Allah s.w.t. tanpa perantaraan. Selain dari itu, bahagian ini mengisyaratkan

"Daripada Nabi S.A.W. Berhubung Dengan Apa Yang Diriwayatkan Baginda Daripada Tuhannya". Abu Hurairah Berkata: "Daripada Nabi S.A.W., Baginda S.A.W. Menceritakan Daripada Tuhan Kamu."³⁹

٦١ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ جَعْفَرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا، وَإِنَّهَا مَثَلُ الْمُسْلِمِ، فَحَدِّثُونِي مَا هِيَ؟» فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي. قَالَ عَبْدُ اللَّهِ: وَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ، فَاسْتَحْيَيْتُ، ثُمَّ قَالُوا: حَدِّثْنَا مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: «هِيَ النَّخْلَةُ».

[Lihat athrāf ḥadīths ke-61 ini pada: 62, 72, 131, 2209, 4698, 5444, 5448, 6122, 6144].

61 – Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, katanya, Isma'il bin Ja'far meriwayatkan kepada kami daripada `Abdillah bin Dīnār daripada Ibni `Umar, katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya di antara sekian banyak pokok, ada satu pokok yang daunnya tidak gugur."⁴⁰ Ia betul-betul seperti orang

kepada satu jenis ḥadīths yang dipanggil ḥadīths Qudsi, iaitu firman Allah s.w.t. yang tidak tersebut di dalam al-Qur'ān. Namun begitu taraf ḥadīths *Qudsi* berbanding ḥadīths-ḥadīths lain hanyalah sama, yang menentukan kuat atau lemahnya ialah sanadnya, begitulah juga ḥadīths *musalsal*.

³⁹ Imam Bukhāri mengemukakan dua riwayat yang kelihatan sama dan hanya mempunyai perbezaan di hujungnya ini untuk mengisyaratkan kepada keharusan menggunakan riwayat berdasarkan ma'na. Ia boleh berlaku pada perkataan yang boleh ditukar dengan perkataan lain yang seerti dengannya. Keadaannya sama seperti pertukaran antara penggunaan nama sebenar, nama gelaran atau nama panggilan.

Daripada keseluruhan riwayat yang disebutkan oleh Imam Bukhāri di dalam tajuk bab ini, tidak terdapat satu pun riwayat yang bermula dengan *akhbarana*, secara tidak langsung beliau telah mengisyaratkan kepada pembaca bahawa sama sahaja riwayat *akhbarana* dan *haddatsana* seperti yang telah dinyatakan sebelum ini.

⁴⁰ Sabda Nabi s.a.w.: "pokok yang daunnya tidak gugur" itu menunjukkan kesegarannya dan faedahnya yang berterusan seperti memberikan naungan dan teduhan. Di dalam Kitāb al-Adab, Imam Bukhāri mengemukakan ḥadīths ini sekali lagi dengan riwayat yang ada sedikit tambahan iaitu:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِ كَمَثَلِ شَجَرَةٍ خَضِرَاءَ، لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا، وَلَا يَتَحَاثُّ

Bermaksud: Perumpamaan orang mu'min adalah seperti pohon menghiijau yang daunnya tidak gugur dan tidak luruh.

Perkataan لَا يَتَحَاثُّ memberi ma'na tidak gugur walaupun di musim luruh, tidak seperti pohon-pohon lain. Ia disamakan dengan orang mu'min yang tidak tergugat imannya,

muslim dalam perumpamaan, ceritakanlah kepadaku apakah pokok itu??”⁴¹
Fikiran para Shahabat melayang kepada pokok-pokok yang terdapat di padang pasir.

‘Abdullah berkata: “Fikiran saya (pula) mengatakan pokok itu ialah pokok tamar, ⁴² tetapi saya malu. Kemudian mereka (para Shahabat) berkata:

tidak terancam ilmunya dengan berita-berita palsu walaupun berada dalam kesempitan dan kesusahan.

⁴¹ Hadits ini menunjukkan bahawa dalam proses pembelajaran perlu adanya ujian, sama ada dalam bentuk peperiksaan, teka teki, kuiz dan sebagainya, fikiran akan menjadi lebih segar dan aktif dengan timbulnya sesuatu soalan yang akan mencetuskan rasa curiga, dengan itu ilmu akan semakin mudah melekat dan kekal, seolah-olahnya sudah disediakan bekas untuk diisi barangan di dalamnya.

⁴² Ibnu ‘Umar pula dalam kisah ini masih lagi seorang kanak-kanak dan dalam perjalanan pulang daripada majlis tersebut, beliau memberitahu bapanya ‘Umar tentang jawapan yang difikirkannya itu sebenarnya sama dengan yang Rasulullah s.a.w. berikan, lalu ‘Umar bertanya: “Mengapa kamu tidak memberitahu saja jawapannya?” Ibnu ‘Umar menjawab: “Kerana kamu tidak memberikan apa-apa jawapan, jadi saya tidak mahu berkata apa-apa”. ‘Umar membalas: “Kalaupun kamu memberitahu jawapannya itu, tentunya aku lebih bangga daripada mendapat sekian-sekian (benda)” seperti yang ada disebutkan dalam riwayat yang lebih panjang pada Kitāb Tafsir begini:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ " أَخْبِرُونِي بِشَجَرَةٍ تُشْبِهُهُ أَوْ كَالرَّجُلِ الْمُسْلِمِ لَا يَتَخَاتُ وَرَفُهَا وَلَا وَلَا وَلَا، تُؤْتِي أَكْلَهَا كُلَّ حِينٍ ". قَالَ ابْنُ عُمَرَ فَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ، وَرَأَيْتُ أَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ لَا يَتَكَلَّمَانِ، فَكَرِهْتُ أَنْ أَتَكَلَّمَ، فَلَمَّا لَمْ يَقُولُوا شَيْئًا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " هِيَ النَّخْلَةُ ". فَلَمَّا قُمْنَا قُلْتُ لِعُمَرَ يَا أَبَتَاهُ وَاللَّهِ لَقَدْ كَانَ وَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ فَقَالَ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَتَكَلَّمَ قَالَ لَمْ أَرُكُمْ تَتَكَلَّمُونَ، فَكَرِهْتُ أَنْ أَتَكَلَّمَ أَوْ أَقُولَ شَيْئًا. قَالَ عُمَرُ لَأَنْ تَكُونَ قُلْتَهَا أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ كَذَا وَكَذَا

Ia menunjukkan kepada bolehnya seseorang itu berbangga dengan kejayaan anaknya kerana mempunyai ilmu dan kecerdikan, dengan kebanggaannya itu juga akan mendorong perkembangan ilmu ke tahap yang lebih tinggi. Ibnu ‘Umar tidak memberitahu jawapan yang difikirkannya itu kerana kecerdikannya juga untuk menjaga adab dan mengambil kira Shahabat-shahabat yang sudah dewasa ada bersama-sama dalam majlis tersebut.

Bagaimanakah Ibnu ‘Umar boleh mengagak jawapan yang betul? Mengikut riwayat yang lain, dalam majlis itu Rasulullah s.a.w. diberikan umbut tamar, lalu Baginda memakannya, soalan tadi ditanya sambil Baginda memakannya, Ibnu ‘Umar merasakan bahawa persoalan yang ditanya itu mestilah ada kaitan dan ada isyaratnya dengan situasi semasa. Ia juga menunjukkan bahawa persoalan yang hendak dibuat oleh seorang pengajar ilmu mestilah berkait dengan situasi dan perkara yang telah dipelajari, ada juga isyarat-isyaratnya yang mereka boleh mengagak jawapannya dengan mengetahuinya. Bagaimana pula dengan Shahabat-shahabat lain yang tidak

“Ceritakanlah kepada kami,⁴³ apakah pokok itu wahai Rasulullah”. Rasulullah bersabda: “Pokok tamar.”⁴⁴

memberikan apa-apa jawapan? Boleh jadi kerana mereka fikirkan tentunya ia tidak berkait dengan pokok yang biasa atau semudah itu seperti kata Ibnu ‘Umar: “Fikiran para Shahābat melayang kepada pokok-pokok yang terdapat di padang pasir”, boleh jadi juga kerana mereka tidak menemui jawapan yang sesuai untuk perumpamaan orang muslim itu. Demikianlah sifat soalan dan jawapan, kadang-kadang soalnya kelihatan susah tetapi jawabannya mudah sahaja.

⁴³ Dua tempat digunakan pecahan perkataan dari akar kata yang sama iaitu حَدَّثَ pertamanya pada حَدَّثُونِي مَا هِيَ dan keduanya pula pada حَدَّثْنَا مَا هِيَ. Kedua-duanya menjadi bukti kepada penggunaannya secara istilah. Untuk istilah yang lain seperti *anba’ana* dan *akhbarana*, Imam Bukhāri menggunakan ḥadīths ini sebagai isyaratnya kepada riwayat yang sama tetapi melalui saluran riwayat Nāfi’ daripada Ibnu ‘Umar pada ḥadīths ke-4698 di dalam Kitāb Tafsir, bukan daripada ‘Abdullah bin Dīnār daripada Ibnu ‘Umar seperti pada dua ḥadīths yang dibawanya di sini. Lafaz yang digunakan oleh Nabi s.a.w. untuk bertanya para Shahābat tentang pokok itu ialah dari akar kata إِخْبَارُ begini adanya:

حَدَّثَنِي عُبَيْدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، عَنْ أَبِي أَسَامَةَ، عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ. رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا. قَالَ كُنَّا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ " أَخْبِرُونِي بِشَجَرَةٍ تُشْبِهُ أَوْ كَالرَّجُلِ الْمُسْلِمِ ...

Di dalam riwayat al-Isma‘ili pula disebut dengan lafaz أَنْبِئُونِي, begitu juga di dalam riwayat Imam Mālik, beliau ada meriwayatkan ḥadīths ini dengan lafaz حَدَّثُونِي مَا هِيَ, dalam Bab: Sikap malu dalam menuntut Ilmu, ia menunjukkan bahawa maksud daripada ketiga-tiga istilah itu sama sahaja dan boleh mengambil tempat masing-masing daripadanya mengikut Imam Bukhāri dan beberapa ‘ulama’ lain seperti ‘Ali Ibnu al-Madīni, Ḥumaidi, Sufyān bin ‘Uyainah, Imam Mālik, Sufyān ats-Tsauri, Imam Zuhri, Ḥasan Bashri dan lain-lain.

Ada juga ‘ulama’ yang tidak berpendapat begitu, seperti Imam Muslim, Imam Abu Ḥanīfah, Ibnu Abi Dī‘b, Imam Nasā‘i, Imam Abu Daud dan lain-lain.

⁴⁴ Apakah persamaan antara pokok tamar dan orang muslim pula? Pelbagai jawapan telah diberikan oleh ‘ulama’ berkaitan sudut persamaannya, antaranya ialah seperti berikut: (1) Pokok tamar sama dengan manusia dari segi kebolehannya untuk terus hidup selagi tidak diselam di dalam air sehingga tenggelam puncaknya agak lama, seperti manusia yang boleh bernafas selagi kepalanya tidak ditenggelami air. (2) Sama dengan manusia dari segi ia boleh dikerat dan dipotong mana-mana bahagian selain kepalanya, jika kepala pokok tamar (umbut) itu dikerat, pokok itu akan mati. (3) Kesuburan pokok tamar ialah apabila ia dikahwinkan dengan pokok tamar yang lain merupakan sudut kesamaan antara manusia dengannya yang akan menjadi lebih subur setelah berkahwin dan melahirkan zuriat yang disamakan dengan buah. Cuma pendapat ini semua tidak sesuai kerana ia tidak khusus dengan orang Islam. (4) Ketegakan tumbuhnya dalam keadaan tidak condong, disamakan dengan muslim yang teguh agamanya, tidak mudah jatuh ke arah dunia. (5) Pokok tamar adalah satu pokok

yang sentiasa berbuah dan berdaun walaupun di musim luruh. Keadaannya serupa dengan orang Islam yang sentiasa berguna kepada orang lain dan mempunyai daya dan kekuatan walaupun ketika berada dalam kesusahan. (6) Manfaat dan kegunaannya yang banyak kepada makhluk lain ketika hidup dan matinya, pendapat ini adalah yang terbaik dan paling sesuai, kerana Nabi mengumpamakannya dengan orang muslim, bukan sekadar manusia biasa sahaja, tetapi yang hatinya beriman. Sepertimana hidup seorang muslim dan matinya berguna, pokok tamar yang hidup dan yang mati masing-masing mempunyai manfaatnya yang tersendiri. Antara pokok yang banyak tumbuh melebihi yang lain dan manfaatnya banyak ketika hidup dan matinya di negara-negara Asia tenggara termasuk Malaysia pula ialah pokok kelapa.

Bagaimanakah pula mati seseorang muslim itu menjadi berguna dan bermanfaat? Perumpamaan yang Nabi s.a.w. buat ini mengisyaratkan kepada ḥadīths yang masyhur berkaitan terputusnya amalan seseorang hamba itu setelah matinya selain dari 3 perkara iaitu ilmu yang bermanfaat, sedekah jariah yang berterusan dan anak shaleh yang mendoakan ibu bapanya. Selain daripada ḥadīths itu, boleh juga difahami daripada firman Allah berikut:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿١٩﴾

Bermaksud: Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah (ajaran) yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. (Ibrahim:24)

Adanya persamaan antara pangkal yang teguh dengan iman yang tersimpan di lubuk hati dan buah yang berfaedah dengan ilmu yang disampaikan, `amal kebajikan yang berterusan manfaatnya dan zuriat yang shaleh. Persamaan orang Islam yang beriman dan berilmu dengan pokok tamar jelas dapat dilihat, ia berguna tidak ketika hidupnya sahaja, tetapi juga setelah ia meninggal dunia.

Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang terdapat di dalam ḥadīths ini ialah:

- (1) Keharusan menggunakan teka-teki dan lain-lain cara yang menarik perhatian ketika mengajar.
- (2) Terhadapnya ilmu manusia kepada persekitarannya dan apa-apa yang berkait dengan kehidupan sehariannya.
- (3) Beradab dengan orang-orang yang lebih tua dengan tidak mencelah dan mengganggu perbualan yang sedang berlaku di antara mereka.
- (4) Keharusan menyatakan kesukaan dan kegembiraan apabila mendapat sesuatu yang istimewa.
- (5) Tingginya nilai ilmu di sisi para Shahābat sehingga kelebihanannya tidak dapat dibandingkan dengan dunia.
- (6) Perawi-perawi yang dipilih oleh Imam Bukhāri adalah antara individu-individu teristimewa yang mempunyai sejarah hidup yang baik dari awal hingga ke akhirnya, ia menjadi punca kepada tingginya nilai Shahīḥ Bukhāri yang dikarangnya.

Bab (5): Imam Mengemukakan Soalan Kepada Shahabat-Shahabatnya⁴⁵ Untuk Menguji Ilmu⁴⁶ Yang Ada Pada Mereka.

(7) Sistem sanad akan menjaga masyarakat dengan mendidik mereka supaya menjaga budi pekerti dan peribadi sehingga terbentuknya kebolehpercayaan terhadap sesama Islam.

(8) Keharusan membuat perumpamaan dan perbandingan untuk sesuatu supaya mudah difahami dan tergambar dengan jelas dalam pemikiran.

(9) Larangan mengemukakan persoalan atau teka-teki dengan maksud memerangkap orang yang ditanya, mendedahkan kelemahannya atau memalukannya.

(10) Dalam perbandingan, sesuatu yang dibandingkan tidak semestinya menyamai sesuatu yang dibandingkan dengannya dari semua sudut.

(11) Kadang-kadang orang-orang tua yang alim dan berpengalaman tidak terlintas akan sesuatu yang terlintas di hati seorang budak yang tidak berpengalaman tetapi berbakat.

(12) Hadits ini menunjukkan kelebihan pokok tamar, kerana Nabi s.a.w. mengumpamakan iman dengannya dari sudut ketetapan iman di dalam hati seseorang muslim sebagaimana tetapan pokok tamar dengan akar dan umbinya pada tempat tumbuhnya. Amalan orang beriman yang menjulang tinggi ke langit pula diumpamakan dengan batang pokoknya yang menjulang tinggi dengan buah-buah dan pelepahnya. Sebagaimana orang beriman yang sentiasa mendapat hasil dan pahala daripada keberkatan imannya sepanjang masa, begitulah juga dengan pokok tamar yang sentiasa menghasilkan buah sepanjang masa. Selain itu segala bahagiannya pula berguna kepada manusia.

⁴⁵ Imam Bukhāri menyebutkan Rasulullah s.a.w. yang menjadi guru sebagai seorang pemimpin (Imam) dan muridnya sebagai sahabat-sahabatnya. Tidak semestinya seorang yang memegang jawatan mengurus negara atau lain-lain tidak boleh memberi pengajaran kepada orang lain kerana peyebaran ilmu tidak hanya terhad kepada manusia yang berjawatan 'guru' sahaja. Shahabat Nabi s.a.w. yang menjadi pelajarnya pula bukan semuanya lebih muda dari Baginda, bahkan ramai juga yang lebih tua darinya, oleh itu Imam Bukhāri menggunakan perkataan sahabat di sini kerana bukan sahaja Nabi s.a.w. menganggap pelajarnya sebagai murid biasa, tetapi juga sebagai kawan dan orang yang sentiasa bersama-samanya. Panggilan yang mesra seperti ini akan memudahkan lagi proses pembelajaran, merapatkan silatur rahim, membuka ruang untuk persoalan-persoalan dan teka-teki dengan pelbagai bentuknya serta menghasilkan suasana yang tidak tertekan, ia dapat dilihat pada hadits bab ini.

⁴⁶ Mengikut Syah Waliyyullah, Imam Bukhāri membuat tajuk bab ini di sini kerana mengingatkan hadits yang diriwayatkan oleh Sayyidina Mu'āwiah r.a. berikut:

عَنْ مُعَاوِيَةَ قَالَ: إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْأَعْلُوظَاتِ

٦٢ - حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ مَخْلَدٍ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ دِينَارٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا وَإِنَّهَا مَثَلُ الْمُسْلِمِ حَدَّثُونِي مَا هِيَ قَالَ فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي. قَالَ عَبْدُ اللَّهِ فَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ فَاسْتَحْيَيْتُ ثُمَّ قَالُوا حَدَّثْنَا مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هِيَ النَّخْلَةُ

Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melarang daripada teka-teki (atau soalan-soalan yang penuh dengan kesukaran, kerumitan, menimbulkan kontroversi, memalukan orang yang ditanya atau memakan diri orang yang menjawab). (Ĥadīts riwayat Abu Daud).

Menurut beliau, tajuk bab ini dibuat untuk memberitahu bentuk soalan yang bagaimana dibenarkan dan yang bagaimana pula dilarang Baginda. Daripada ĥadīts yang dikemukakannya ini dapat dilihat bahawa soalan yang tidak bertujuan menjatuhkan orang lain dan melebihkan diri sendiri dibolehkan saja dan ia tidak termasuk dalam أغلوطات yang tersebut di dalam ĥadits yang diriwayatkan oleh Mu'aawiah tadi. Kalau dilihat dari sudut kekuatan ĥadīts pula, ĥadīts yang diriwayatkan oleh Abu Daud itu *dha'if* sahaja dan ia tidak dapat menandingi riwayat yang dibawa oleh Imam Bukhāri ini. Kaedah untuk menjama'kan antara dua riwayat yang kelihatan bercanggah ialah dengan mengkhususkan riwayat larangan Abu Daud tadi untuk soalan-soalan yang terlalu rumit dan tidak mungkin dapat dijawab atau soalan yang menimbulkan masalah. Ĥadīts yang dibawa oleh Imam Bukhāri juga menyokong keharusan menanyakan soalan yang tidak terlalu rumit, susah dan masih boleh difikir jawabannya, bukan soalan tentang perkara yang masih belum dipelajari tanpa ada isyarat apa-apa walaupun sedikit.

Isyarat untuk jawabannya dapat diketahui dari latar belakang cerita ĥadīts yang menyebutkan bahawa ketika Nabi s.a.w. berada dalam suatu majlis, Baginda dibawa umbut tamar, lalu Baginda memakannya, sambil membaca ayat di bawah ini:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٥١﴾ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ يَأْذِنُ رَبُّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥٢﴾ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴿٥٣﴾

Bermaksud: Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. (24) Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). (25) Dan bandingan Kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup. (26) (Ibrahim:24-26)

62 – Khālīd Bin Makhḥad⁴⁷ meriwayatkan kepada kami, katanya, Sulaiman⁴⁸ meriwayatkan kepada kami, katanya, ‘Abdullah Bin Dīnār meriwayatkan kepada kami daripada Ibnī ‘Umar daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: “Sesungguhnya di antara sekian banyak pokok, ada satu pokok yang daunnya tidak gugur. Ia betul-betul seperti orang muslim⁴⁹ (dalam perumpamaan), ceritakanlah kepadaku apakah pokok itu?” ‘Abdullah berkata, “Fikiran para Shaḥābat melayang kepada pokok-pokok yang terdapat di padang pasir.”

‘Abdullah berkata: “Fikiran saya (pula) mengatakan pokok itu ialah pokok tamar, tetapi saya malu. Kemudian mereka (para Shaḥābat) berkata:

⁴⁷ Abu al-Haitsam al-Qathawānī al-Bajālī al-Kūfī. Qathawān adalah nama satu tempat di Kūfah. Beliau meriwayatkan daripada Malik, Sulaiman bin Bilāl dan lain-lain. Ishaq bin Rāhawaih, kedua-dua anak Abi Syaibah, Muhammad bin Bundār, Bukhari dan lain-lain adalah antara tokoh yang meriwayatkan hadits daripadanya. Ahmad bin Ḥambal dan Abu Haatim berkata, “Dia ada hadits-hadits munkar.” Yahya bin Ma‘īn berkata, “Tidak mengapa dengannya.” Abu Haatim juga berkata, “Boleh ditulis haditsnya.” Ibnu ‘Adi pula berkata, “Dia adalah salah seorang muḥaddits Kūfah yang banyak meriwayatkan hadits. Bagi saya, tidak mengapa dengannya.” Khalid bin Makhḥad meninggal dunia pada bulan Muḥarram tahun 213 Hijrah.

⁴⁸ Beliau ialah Sulaiman bin Bilāl at-Taimī al-Qurasyī al-Madani. Kunyahnya Abu Muhammad atau Abu Ayyub. Sulaiman adalah maula (hamba yang dimerdekakan) ‘Abdullah bin Abi ‘Atīq. Nama sebenar Abu ‘Atīq ialah Muhammad bin ‘Abdir Rahman bin Abi Bakr as-Shiddīq. Sulaiman bin Bilāl adalah seorang Barbar yang cantik dan kacak, seorang yang bijaksana dan juga mufti. Pernah menjadi pegawai percukaian di Madinah. Imam Ahmad berkata tentangnya, “Tidak mengapa dengannya, tsiqah.” Yahya bin Ma‘īn pula berkata, “Perawi tsiqah lagi Shaleh.” Sulaiman perawi kitab-kitab utama hadits. Beliau meninggal dunia pada tahun 172 Hijrah di zaman pemerintahan Harun ar-Rasyīd.

⁴⁹ Tasybih (perbandingan) yang digunakan oleh Nabi s.a.w. di sini dibuat dengan mendahulukan perkataan *musyabbah* (pokok) dan mengemudiankan *musyabbah bihi* (orang muslim). Susunan ayat tasybih sebegini menghasilkan makna sifat keteguhan, sentiasa mempunyai hasil dan bermanfaat ketika hidup dan matinya itu lebih banyak terdapat pada seseorang muslim berbanding adanya pada pokok tamar, kerana mengikut kaedah *tasybih* ialah wajah syabah (sifat-sifat dan sudut yang hendak diserupakan) itu lebih kuat dan lebih dominan adanya pada *musyabbah bihi* berbanding pada *musyabbah*. Bukan orang Islam yang menyamai pokok tamar, tetapi pokok tamar yang menyamai orang Islam.

“Ceritakanlah kepada kami, apakah pokok itu wahai Rasulullah”. Rasulullah (pun) bersabda: “Pokok tamar.”⁵⁰

٦ - بَابُ الْقِرَاءَةِ وَالْعَرْضِ عَلَى الْمُحَدِّثِ

وَرَأَى الْحَسَنَ وَالثَّوْرِيَّ وَمَالِكََ الْقِرَاءَةَ جَائِزَةً قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ سَمِعْتُ أَبَا عَاصِمٍ يَذْكُرُ عَنْ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ وَمَالِكٍ أَنَّهُمَا كَانَا يَرِيَانِ الْقِرَاءَةَ وَالسَّمَاعَ جَائِزًا حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ إِذَا قُرِئَ عَلَى الْمُحَدِّثِ فَلَا بَأْسَ أَنْ يَقُولَ حَدَّثَنِي وَسَمِعْتُ وَاخْتَجَ بَعْضُهُمْ فِي الْقِرَاءَةِ عَلَى الْعَالِمِ بِحَدِيثِ ضِمَامٍ بْنِ ثَعْلَبَةَ قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تُصَلِّيَ الصَّلَاةَ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَهَذِهِ قِرَاءَةٌ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْبَرَ ضِمَامٌ قَوْمَهُ بِذَلِكَ فَأَجَازُوهُ وَاخْتَجَ مَالِكُ الْبَصَرِ يَقْرَأُ عَلَى الْقَوْمِ فَيَقُولُونَ أَشْهَدْنَا فُلَانٌ يَقْرَأُ ذَلِكَ قِرَاءَةً عَلَيْهِمْ وَيُقْرَأُ عَلَى الْمُقْرَأِ فَيَقُولُ الْقَارِئُ أَقْرَأَنِي فُلَانٌ حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ بْنُ سَلَامٍ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحَسَنِ الْوَاسِطِيُّ عَنْ عَوْفٍ عَنِ الْحَسَنِ قَالَ لَا بَأْسَ بِالْقِرَاءَةِ عَلَى الْعَالِمِ وَأَخْبَرَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يُوسُفَ الْفَرَبْرِئِيُّ وَحَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْبُخَارِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ إِذَا قُرِئَ عَلَى الْمُحَدِّثِ فَلَا بَأْسَ أَنْ يَقُولَ حَدَّثَنِي قَالَ وَسَمِعْتُ أَبَا عَاصِمٍ يَقُولُ عَنْ مَالِكٍ وَسُفْيَانَ الْقِرَاءَةَ عَلَى الْعَالِمِ وَقِرَاءَتُهُ سَوَاءٌ

⁵⁰ Hadīts yang dibawakan di sini sama sahaja isinya dengan yang telah disebutkan pada bab sebelumnya, Imam Bukhāri mengisyaratkan dengan hadīts yang sama ini kepada orang yang bijaksana, tidak semestinya ia mempunyai sumber rujukan yang banyak, bahkan daripada hadits yang sama boleh saja dikeluarkan pelbagai kesimpulan dan pengajaran, boleh saja dibuat pelbagai tajuk bab untuknya. Pendek kata sesuatu hadits itu boleh dilihat daripada pelbagai sudut pandang. Selain dari itu, Imam Bukhari juga mahu mengisyaratkan kepada kelebihan dan keistimewaan sumber wahyu berupa hadīts, walaupun bilangannya sedikit sahaja, namun ia sangat padat, berkualiti dan mengandungi banyak pengajaran dan pedoman, tidak seperti kisah-kisah tauladan yang biasa.

Bab (6): Bacaan Dan `Ardhu Di Hadapan Muhaddits.⁵¹

Al-Hasan, Ats-Tsauri Dan Malik Berpendapat; Membaca Di Hadapan Guru Adalah Harus. Abu `Abdillah (Imam Bukhari) Berkata, Aku Telah Mendengar Aba `Ashim Menyebutkan Bahawa Sufyan Ats-Tsauri Dan Malik Berpendapat Membaca (Di Hadapan Guru) Dan Mendengar (Guru Membaca) Adalah Harus. `Ubaidullah Bin Musa Meriwayatkan Kata-Kata Sufyan, "Apabila Dibaca Di Hadapan Muhaddits, Maka Tidak Mengapa Seseorang Itu Berkata: حدثني (Dia Menceritakan Kepadaku), Dan سمعت (Aku Telah Mendengar). Sesetengah Mereka

⁵¹ Setelah Imam Bukhāri memberitahu tentang طرق التحمل atau cara penerimaan ḥadīts, beliau ingin memberitahu pula tentang kepelbagaian cara penyampaian ḥadīts atau طرق الأداء, yang pertama ialah قراءة (bacaan) iaitu murid membaca di hadapan guru dan apabila ia ingin menyampaikannya kepada muridnya pula, murid itu akan menggunakan lafaz *akhbarana*, bukan *ḥaddatsana*. Yang kedua pula ialah al-`Ardhu. Ia adalah satu perkataan yang mengandungi beberapa istilah: (1) Murid membaca apa yang telah dibacakan guru, tetapi tidak dalam bentuk riwayat. (2) Guru mempunyai kitab yang dikarangnya, murid menggunakan kitab itu dan membacanya di hadapan gurunya tadi. (3) Guru menulis sesuatu ḥadīts kemudian murid membacanya di hadapan gurunya itu. (4) Murid menyalin buku gurunya dan membaca apa yang disalinnya itu di hadapan gurunya. Perbezaan Bacaan dan `Ardhu ialah bacaan tidak semestinya apa yang ditulis oleh guru itu sendiri, boleh jadi hasil tulisan orang lain, `ardhu pula dimestikan tulisan yang dibaca murid adalah karangan guru yang dibaca di hadapannya itu. Faedahnya ialah selain daripada menerima ḥadīts, ia juga merupakan pengesahan terhadap apa yang ditulis gurunya itu bahawa ia adalah betul-betul seperti yang dikehendaknya.

Penggunaan istilah-istilah begini biasanya terdapat di dalam kitab-kitab ḥadīts yang lain, tetapi Imam Bukhāri menganggap kedua-dua istilah itu sama sahaja dan boleh saja digunakan *ḥaddatsana* untuk semuanya. Ini dibuktikan melalui riwayat pada tajuk bab dan riwayat kedua bab iaitu riwayat Dhīmām bin Tsālabah yang menanyakan Nabi s.a.w. tentang beberapa perkara yang telah disampaikan oleh utusan Nabi s.a.w., lalu Baginda hanya mengiyakannya sahaja, kemudian beliau memberitahu kaumnya bahawa Nabi s.a.w. telah memerintahkan perkara tadi padahal Baginda hanya mengiyakan sahaja apa yang ditanya olehnya. Ia menunjukkan bahawa maklumat yang diperolehi melalui apa-apa saluran tentang sabdaan Nabi s.a.w. yang disahkan oleh Baginda sendiri sebenarnya sudah boleh dikira sebagai sabdaan Nabi s.a.w. dan boleh diriwayatkan dengan berkata أخبرنا, حدثنا dan sebagainya.

(`Ulama')<sup>52</sup> Berhujah Untuk Bacaan Murid Di Hadapan Orang `Alim Dengan Had ts Dhimam Bin Tsa`labah, Bahawa Dia Berkata Kepada Nabi S.A.W.: "Adakah Allah Menyuruh Engkau Supaya Kami Mengerjakan Sembahyang?" Nabi S.A.W. Bersabda: "Ya". Kata Mereka: "Ini Adalah Bacaan Di Hadapan Nabi S.A.W., Dhimam Telah Memberitahu Kepada Kaumnya Tentang Perkara Itu Dan Mereka Membenarkannya."⁵³ Imam Malik Berhujah Dengan Shak (Surat) Yang Dibaca Di Hadapan Orang Ramai, Lalu Mereka Berkata, Si Pulan Telah Menjadikan Kami Sebagai Saksi.⁵⁴ Dibaca Di Hadapan Muqri' (Guru Qira'at).

⁵² Maksud sesetengah mereka (`ulama') di sini ialah guru Imam Bukhāri yang bernama al-Ĥumaidi. Beliau telah menyebutnya di dalam Kitab an-Nawādirnya. Hafizh Ibnu Hajar berkata, di dalam Muqaddimah (Hadyu as-Sāri) saya telah mengatakan ia adalah al-Ĥumaidi. Tetapi sekarang saya berpendapat ia adalah Abu Sa'id al-Ĥaddād. Al-Baihaqi di dalam Ma'rifatu as-Sunan Wa al-Aatsār mengemukakan satu riwayat daripada Ibnu Khuzaimah bahawa beliau berkata, "Aku telah mendengar Muhammad bin Isma'il al-Bukhari berkata, "Kata Abu Sa'id al-Ĥaddād: "Saya mempunyai hadits daripada nabi s.a.w. berhubung dengan (keharusan) memabaca di hadapan orang alim." Apabila beliau ditanya, maka beliau berkata, "Ia adalah kisah Dhimām bin Tsa`labah yang bertanya: "Adakah Allah telah menyuruhmu melakukan perkara ini?" Jawab nabi s.a.w.: "Ya."

⁵³ Imam Bukhāri sebenarnya mahu menolak pendapat orang yang tidak mengira sebagai riwayat yang mu'tabar melainkan apa yang didengar daripada lafaz guru sendiri, maksudnya ialah tidak dikira mu'tabar apa yang dibaca di hadapan guru. Riwayat Dhimām ini membuktikan bahawa bacaan murid di hadapan guru yang hanya mengiyakan sahaja itu mu'tabar, kerana kaumnya menerima apa yang diriwayatkannya itu.

⁵⁴ Perkataan shak (شك) berpunca daripada bahasa Farsi (چك), kemudian ia dijadikan bahasa `Arab. Perkataan check dalam Bahasa Inggeris dan cek dalam Bahasa Melayu juga datang dari punca yang sama. Ia pada asalnya adalah surat rasmi atau dokumen yang diperakui oleh pihak-pihak tertentu untuk sesuatu akad, mengandungi maklumat tentang orang yang melakukan akad, jenis akad, perjanjian, pengakuan atau kesaksian orang-orang yang berkaitan, dengan menurunkan tandatangan masing-masing pada surat rasmi berkenaan. Apabila timbul sesuatu masalah dan surat itu dikemukakan kepada mahkamah, hakim akan membacakan kandungannya di hadapan orang ramai dan menanyakan kepada penama yang disertakan di dalamnya: "Adakah benar dia telah menjadikan kamu sebagai saksi?" sebagai contohnya. Pertanyaan itu boleh saja dijawab dengan mengiyakannya.

Bagi Imam Mālik, kalau surat kesaksian yang begitu penting pun boleh digunakan cara `ardhu dengan dibacakan sesuatu kenyataan, kemudian diperakui dan disahkan

Kemudian Qari (Pembaca) Berkata: "Si Pulan Telah Mengajar Saya" (Menyuruh Saya Membaca Di Hadapannya).⁵⁵ Muhammad Bin Salam Meriwayatkan Kepada Kami, Katanya, Muhammad Bin Al-Hasan Al-Wasithi Meriwayatkan Kepada Kami Daripada `Auf Daripada Al-Hasan (Al-Bashri),<sup>56</sup> Beliau Berkata: "Tidak Mengapa Membaca Di Hadapan Orang `Alim".⁵⁷ `Ubaidullah Bin Musa Meriwayatkan Kepada Kami Daripada Sufyan, Beliau Berkata: "Apabila Seseorang Membaca Di Hadapan Muhaddits, Tidak Mengapa Untuk Dia Mengatakan

oleh tuan punya kenyataan, maka tentulah cara `ardhu ini lebih-lebih lagi boleh digunakan dalam periwayatan.

Bagi Imam Mālik, kalau menisbahkan kesaksian kepada orang yang tidak melafazkan kesaksian itu pun dibolehkan, maka tentunya menisbahkan taḥdīts kepada guru yang dibaca di hadapannya itu juga boleh kerana kesaksian lebih tinggi darjatnya daripada periwayatan ḥadīts.

⁵⁵ Hujjah kedua Imam Mālik ialah sahnya pembelajaran qira'at dengan hanya murid yang menjadi pembaca dan guru mengiyakan dengan hanya menegur ketika terdapat kesilapan. Kalau al-Qur'ān pun boleh dipelajari dengan cara ini, maka ḥadīts tentunya tidak ada masalah sekiranya disampaikan dengan cara ini.

Kalau boleh dinisbahkan guru yang tidak membaca kesemua al-Qur'ān di hadapan muridnya itu sebagai pengajarnya, tentu guru yang tidak membaca semua lafaz ḥadīts di hadapan muridnya juga boleh diterima sebagai guru, kerana al-Qur'ān lebih tinggi darjatnya daripada ḥadīts.

⁵⁶ Imam Bukhāri menyebutkan pendapat al-Ḥasan al-Bashri di sini kerana menurut beliau tidak boleh diriwayatkan ḥadīts berdasarkan ma'nanya. Syarat penerimaan ḥadīts di sisinya lebih ketat berbanding orang-orang lain, namun beliau juga menerima periwayatan dengan cara bacaan (di hadapan guru) ini.

⁵⁷ Kadang-kadang lebih baik pelajar membaca di hadapan orang `alim (guru muhaddits) berbanding guru sendiri yang membaca, kerana boleh jadi guru yang membaca itu tersilap, tetapi tidak ditegur oleh murid. Dalam keadaan murid yang membaca pula, kedua-dua pihak akan lebih memberikan perhatian.

Anak murid Imam Mālik, Mutharrif berkata: "Aku menjadi murid Imam Mālik selama 17 tahun, selama pengajianku aku hanya melihat murid yang membaca di hadapan beliau." Mutharrif berkata lagi: "Imam Mālik tidak suka orang yang membeza-bezakan antara bacaan guru dan bacaan murid." Begitulah juga Imam Bukhāri, beliau mengemukakan beberapa pendapat `ulama' lain yang telah diterima untuk menyokong pendapat beliau yang mungkin agak ganjil kepada sesetengah orang.

Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri berkata: "Di kalangan anak murid Imam Mālik hanya Imam Muḥammad (bin Ḥasan as-Syaibāni) yang mendapat keistimewaan Imam Mālik menjadi guru yang membaca."

Haddatsani (Dia Telah Meriwayatkan Kepada Saya)".⁵⁸ Beliau (Imam Bukhari) Berkata: "Saya Mendengar Abu `Ashim Berkata: Malik Dan Sufyan Berpendapat Bacaan Di Hadapan Orang `Alim Dan Bacaannya Sendiri Sama Sahaja".⁵⁹

٦٣ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ سَعِيدٍ هُوَ الْمُقْبِرِيُّ عَنْ شَرِيكَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي نَمِرٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ دَخَلَ رَجُلٌ عَلَى جَمَلٍ فَأَنَاحَهُ فِي الْمَسْجِدِ ثُمَّ عَقَلَهُ ثُمَّ قَالَ لَهُمْ أَيُّكُمْ مُحَمَّدٌ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَكِيٌّ بَيْنَ ظَهْرَانِيهِمْ فَقُلْنَا هَذَا الرَّجُلُ الْأَبْيَضُ الْمُتَكِيُّ فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ يَا ابْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَجَبْتُكَ فَقَالَ الرَّجُلُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي سَأَلْتُكَ فَمَشَدُّكَ عَلَيْكَ فِي الْمَسْأَلَةِ فَلَا تَجِدُ عَلَيَّ فِي نَفْسِكَ فَقَالَ سَلْ عَمَّا بَدَا لَكَ فَقَالَ أَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ وَرَبِّ مَنْ قَبْلَكَ اللَّهُ أَرْسَلَكَ إِلَى النَّاسِ كُلِّهِمْ فَقَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنَشُدُكَ بِاللَّهِ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ نُصَلِّيَ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنَشُدُكَ بِاللَّهِ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ نَصُومَ هَذَا الشَّهْرَ مِنَ السَّنَةِ قَالَ اللَّهُمَّ نَعَمْ قَالَ أَنَشُدُكَ بِاللَّهِ اللَّهُ أَمَرَكَ أَنْ تَأْخُذَ هَذِهِ الصَّدَقَةَ مِنْ أَغْنِيَانِنَا فَتَقْسِمَهَا عَلَيَّ فَقَرَأْنَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ نَعَمْ فَقَالَ الرَّجُلُ آمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ وَأَنَا رَسُولُ مَنْ وَرَائِي مِنْ قَوْمِي وَأَنَا ضِمَامُ بْنُ ثَعْلَبَةَ أَخُو بَنِي سَعْدِ بْنِ بَكْرٍ.

وَرَوَاهُ مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ الْمُغِيرَةِ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهَذَا

63 - `Abdullah Bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya, Al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id (al-Maqburi) daripada Syarīk Bin `Abdillah Bin Abi Namir bahawa dia mendengar Anas Bin Mālik berkata: "Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah di dalam masjid, tiba-tiba datang seorang lelaki sambil menaiki unta. Lalu dia menurunkan untanya di dalam masjid dan mengikatnya,⁶⁰ kemudian bertanya: "Siapakah di antara

⁵⁸ Tanpa perlu disebut dengan istilah yang berbeza iaitu *akhbarani*. Kalau seorang qari yang mengajar itu boleh dikatakan untuknya *aqra'ani* (أقرأني), maka pengajar *ḥadīts* juga boleh dikatakan *ḥaddatsani* (حدثني).

⁵⁹ Inilah pendapat Imam Mālik, Sufyān ats-Tsauri, satu pendapat dari Abu Ḥanīfah menurut satu riwayat, Sufyān bin `Uyainah, Ḥumaidi, Zuhri, `Ali Ibnu al-Madīni dan Imam Bukhārī.

⁶⁰ Imam Mālik berhujah dengan *ḥadīts* ini tentang air kencing dan tahi binatang yang halal dimakan dagingnya tidak najis, kerana Nabi s.a.w. dan Shahabat-shahabatnya

kamu Muḥammad?” Nabi s.a.w. ketika itu sedang bertelekan di antara mereka.⁶¹ Kami pun menceritakan: “Lelaki putih yang sedang bertelekan itu.”⁶² Maka orang itu berkata: “Wahai anak `Abdil Mutthalib”. Nabi s.a.w. pun berkata: “Saya telah pun menyahut panggilanmu”.⁶³ Lelaki itu berkata lagi: “Saya akan bertanya engkau dan saya akan keraskan soalan saya terhadapmu,

melihat perkara ini berlaku di dalam masjid dan tidak mencegahnya, walaupun ada kemungkinan unta itu akan kencing atau berak pada bila-bila masa. Jumhur `ulama' yang tidak berpendapat begitu menta'wilkan perkataan في الْمَسْجِدِ secara *tawassu'*, dengan maksud 'di kawasan masjid', bukan 'di dalam masjid'. Mengikut riwayat yang lain lafaznya ialah فَأَنَّاخَهُ خَارَجَ الْمَسْجِدِ yang bermaksud 'di luar masjid' atau فَأَنَّاخَهُ فِي رَحْبَةِ الْمَسْجِدِ yang juga membawa maksud 'di luar'. Ada juga riwayat Imam Muḥammad yang menyebutkan bahawa diturunkan unta di pintu masjid, tetapi ia masih tempat yang perlu dijaga kebersihannya.

⁶¹ ظهران pada asalnya adalah tatsniah bagi perkataan ظهر. Kemudian ia dianggap sebagai mufrad, lalu dimasukkan alamat tatsniah padanya, maka jadilah ia ظهرائين. Setelah ia diidhafatkan kepada dhamir, dibuangkanlah huruf ن di akhirnya sehingga ia menjadi ظَهْرَانِيَهُمْ. Perkataan ini diguna untuk menyatakan perkumpulan yang ramai ketika mana mereka tak kisah membelakangi satu sama lain.

⁶² Putih di sini bukan semata-mata putih seperti kapur, di dalam riwayat yang lain ia disebutkan dengan lafaz: الْأَمْعَرُ الْمُرْتَقَى yang bermaksud putih merah, bukan juga putih kuning.

⁶³ Apakah maksud أَجَبْتُكَ, adakah ia bermaksud “aku telah pun menyahut panggilanmu” atau “aku telah pun menjawab pertanyaanmu”? Tentu sekali ia bukan bererti “aku telah pun menjawab pertanyaanmu”, kerana Dhimām belum lagi bertanya apa-apa. Sesetengah `ulama' berpendapat, ma'na أَجَبْتُكَ itu ialah سَمِعْتُ yang bermaksud 'saya telah dengar' atau dengan ma'na إِنْشَاءُ الْإِجَابَةِ yang bermaksud 'bersedia untuk menjawab'. Pendapat lain yang boleh juga diterima ialah kata-kata Nabi s.a.w. ini merupakan jawapan kepada soalnya yang pertama sekali, iaitu أَيُّكُمْ مُحَمَّدٌ؟ yang bermaksud 'Siapakah di antara kamu Muḥammad?'. Sebenarnya nabi s.a.w. telah pun menjawab pertanyaannya itu dengan berkata: أَنَا (saya) ketika Shaḥabat-shaḥabatnya memberitahu “Lelaki putih yang sedang bertelekan itu”, tetapi jawapan baginda tidak didengarinya. Lalu nabi s.a.w. berkata: قَدْ أَجَبْتُكَ (saya telah menjawab pertanyaanmu). Ada juga `ulama' yang mengandaikan bahawa Nabi s.a.w. tidak menyukai cara yang kasar daripada penanya tadi, lalu Baginda menjawab seolah-olahnya dengan merajuk: “Aku telah jawab pertanyaanmu”, tetapi andaian ini tidak tepat kerana Baginda adalah seorang yang lembut sehinggakan orang yang kencing di dalam masjid pun tidak dihalaunya. Maka terjemahan yang sesuai bagi lafaz: قَدْ أَجَبْتُكَ ialah 'Aku telah bersedia untuk menjawab (apa-apa persoalanmu)' atau 'Aku telah menyahut pertanyaanmu'.

janganlah pula engkau berasa hati”.⁶⁴ Nabi s.a.w. bersabda: “Tanyalah apa yang terlintas di hatimu”. Dia pun berkata: “Saya mahu bertanya engkau demi

⁶⁴ Para ‘ulama’ telah membuat beberapa andaian terhadap tingkah laku orang ini: (1) Ia merupakan satu cara untuk beliau menguji dan mengenal pasti apakah tindakan Nabi akhir zaman apabila dilayan dengan kekasaran. (2) Beliau adalah seorang wakil daripada satu kaum, maka ini sebenarnya adalah cadangan mereka supaya ditanyakan Nabi akhir zaman persoalan-persoalan tadi dengan cara yang agak kasar. (3) Beliau telah pun memeluk agama Islam pada ketika itu, cuma sengaja berbuat begini untuk menampilkan dirinya sebagai orang asing yang belum tahu peraturan dan adab, dengan itu dia boleh menanyakan pelbagai soalan yang ganjil tanpa berasa segan silu seperti Shaḥābat-shaḥābat lain yang sudah lama bersama Nabi s.a.w. sebagaimana akan dinyatakan dalam ḥadīts seterusnya, kata Anas: “Di dalam Al-Qur’ān, kami telah dilarang bertanya Nabi s.a.w., kerana itu kami suka sekali jika ada seseorang dari kalangan penduduk desa (badwi) yang bijaksana datang bertanya Nabi s.a.w. dan kami pula mendengarnya”.

Zahir ḥadīts ini pada bahagian: *أَمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ* “Saya (telah) beriman dengan apa yang dibawa olehmu” menjadi bukti kepada orang yang bersetuju dengan andaian ketiga bahawa dia adalah seorang yang sudah pun beragama Islam pada ketika itu. Ini juga adalah pegangan Imam Bukhāri, al-Auzā’i dan lain-lain.

Antara bukti yang lain lagi ialah dia tidak meminta nabi s.a.w. menunjukkan mu’jizat. Tetapi bukti ini tidak begitu kuat, kerana tidak semua orang yang belum Islam meminta nabi s.a.w. menunjukkan mu’jizat. Mu’jizat hanya diminta oleh orang-orang yang lemah akal dan tidak dapat menerima Islam kerana keras kepalanya. Orang berkenaan pula adalah seorang yang cerdik dan dipilih oleh kaumnya untuk datang bertanya, jadi tidak sesuai sebagai seorang yang cerdik akan meminta mu’jizat dari Nabi seperti orang yang enggan menerima Islam tanpa melihat terlebih dahulu mu’jizat.

Menurut sesetengah ‘ulama’, andaian ketiga ini tidak begitu tepat. Untuk mengatakan dia seorang Shaḥābat yang telah pun memeluk Islam pada ketika itu, tidak sesuai dengan soalan yang dikemukakan dalam ḥadīts selepas ini, iaitu soalan tentang pencipta langit, bumi, bukit bukau dan yang meletakkan segala manfaat pada bumi ini. Selain dari itu, katanya: *أَنَا رَسُولُكَ فَأَخْبِرْنَا أَتَاكَ تَرْغُمُ* dalam ḥadīts selepas ini. Bagaimana dia boleh berkata: *أَتَاكَ تَرْغُمُ* (bahawa sesungguhnya engkau mendakwa), orang yang sudah memeluk agama Islam tidak akan berkata begitu terhadap kata-kata nabi s.a.w. Seolah-olahnya kata-kata nabi s.a.w. adalah sesuatu yang belum pasti, ia tidak lebih daripada da’waan semata-mata.

Imam Abu Daud juga berpendapat orang yang datang bertanya nabi s.a.w. di dalam hadith ini dan hadith selepasnya belum Islam lagi pada ketika itu. Beliau meletakkan ḥadīts ini di bawah: باب المشرک یدخل المسجد (Bab: Orang musyrik masuk masjid).

Dari situ juga dapat diketahui bahawa layanan Nabi s.a.w. terhadap orang musyrik yang masuk masjid tidaklah seperti masuknya najis, sebagaimana disalah fahami oleh sesetengah orang tentang ayat di bawah ini:

tuhanmu dan demi tuhan orang-orang sebelummu, adakah Allah telah mengutuskan engkau kepada manusia seluruhnya?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Orang itu terus berkata: “Saya hendak bertanya engkau dengan nama Allah, adakah Allah menyuruh engkau supaya kita mengerjakan sembahyang lima waktu dalam sehari semalam?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Saya mahu bertanya engkau dengan nama Allah: “Adakah Allah menyuruh engkau supaya kita berpuasa satu bulan dalam setahun?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Orang itu berkata lagi: “Saya hendak bertanya engkau dengan nama Allah, adakah Allah menyuruh engkau supaya mengambil sedekah daripada orang-orang kaya di kalangan kita untuk dibahagikan kepada orang-orang miskin di kalangan kita?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Maka orang itu pun berkata: “Saya beriman dengan apa yang dibawa olehmu⁶⁵ dan saya adalah utusan bagi orang-orang di belakang saya dari kalangan kaumku (yang tidak

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Harām sesudah tahun ini. (at-Taubah:28).

Antara tafsiran yang diberikan ialah: (1) Yang diharamkan ialah Masjid al-Harām, bukan masjid-masjid lain. (2) Diharamkan kepada mereka sebagai siyāsah, iaitu umat Islam hendaknya mempunyai satu kawasan yang penduduknya hanya terdiri daripada orang-orang Islam sahaja, dengan itu rahsia dan kepentingan umat Islam akan terpelihara dan tidak akan diketahui musuh-musuh Islam di luar sama ada melalui melalui pengintipan dan sebagainya. (3) Najisnya orang kafir musyrik itu adalah di sudut `aqidahnya, bukan batang tubuhnya yang zahir.

⁶⁵ Zahir perkataan آمَنْتُ memberi ma`na ‘saya telah beriman’. Jadi pertanyaan Dhimām hanyalah sekadar untuk mengambil pengakuan dan lafaz Nabi s.a.w. Bagaimanapun perkataan ini boleh juga diterjemahkan dengan ‘saya bersedia untuk beriman’ sebagai إِنْشَاءُ الْإِيمَانِ untuk menyatakan kesediaan.

‘Ulama’ yang tidak menerima penyampaian ḥadīts melalui cara bacaan di hadapan guru memilih Dhimām belum Islam dalam peristiwa ini, periwayatan orang bukan Islam tidak mu`tabar dan tidak boleh diambil kira sebagai hujjah. Pendapat ini boleh ditolak dengan mengatakan bahawa Dhimām beriman selepas peristiwa ini dan menyampaikan keputusan ini kepada kaumnya dalam keadaan beriman. Inilah antara contoh riwayat orang yang masuk Islam menceritakan peristiwa sebelum Islamnya. Riwayat orang spt ini memang diterima, seperti yang telah berlalu dalam kisah Abu Sufyān dan Hiraqlu.

datang bersama). Saya adalah Dhimām Bin Tsa'labah saudara Bani Sa'ad bin Bakr.”

Musa (bin Isma'il) dan 'Ali Bin 'Abdil Ḥamid meriwayatkan ḥadīths ini daripada Sulaiman (bin al-Mughīrah) daripada Tsābit daripada Anas daripada Nabi s.a.w.⁶⁶

⁶⁶ Ḥadīths ini juga diriwayatkan secara maushūl oleh Abu 'Awānah di dalam Shahīḥnya dan Ibnu Mandah di dalam (kitabnya) al-Iman. Kata Ḥāfīzh Badruddīn al-'Aini: “Kalau kamu bertanya, mengapa Imam Bukhāri menyebutkan riwayat Musa dan 'Ali secara ta'liq?” Maka aku katakan, al-Kirmāni berkata: Mungkin Imam Bukhāri meriwayatkan daripada Musa dan 'Ali bin 'Abdil Ḥamid secara tidak langsung, menjadikan sanadnya sebagai sanad nāzil (rendah). Sanad 'Abdullah bin Yusuf pula adalah sanad 'aali (tinggi), kerana itu ia dipilih oleh Imam Bukhāri. Tujuan disebutkan riwayat ta'liq Musa dan 'Ali bin 'Abdil Ḥamid adalah sebagai mutāba'ah (riwayat sokongan) untuk menguatkan lagi riwayat 'Abdullah bin Yusuf. Mutāba'ah begini dipanggil sebagai mutāba'ah nāqishah kerana pertemuan dua sanad tersebut hanya berlaku pada guru di bahagian atas sahaja, bukan bermula dari bawah lagi.

Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar al-'Asqalani berkata: Imam Bukhāri mengemukakan ḥadīths Musa bin Isma'il dan 'Ali bin 'Abdil Ḥamid secara *mutāba'ah* sahaja kerana menganggap guru mereka iaitu Sulaiman bin al-Mughīrah sebagai perawi yang tidak menepati syaratnya.

Pensyarah yang lain seperti al-'Aini pula menolak kenyataan Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar itu dan mengatakan bahawa dalam Bab Sutrāh, Imam Bukhāri ada menukikkan riwayatnya sebagai riwayat *ushul* tanpa mengemukakan mana-mana riwayat lain. Imam Aḥmad berkata tentangnya: “*Tsabt, tsabt, tsiqah, tsiqah*”, Ibnu Sa'ad juga mengatakan: “*Tsiqah, tsabt*” dan Syu'bah mengatakan dia adalah: “سید أهل البصرة”, Abu Daud at-Thayālisi mengatakan: “كان من خيار الناس” yang bermaksud ‘dia adalah antara orang yang terpilih’.

Boleh jadi Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar menyebutkan begini kerana di dalam nuskahnya tiada riwayat yang kedua di bawah tajuk bab ini seperti yang ada pada nuskah kita ini, di mana perawinya itu adalah Musa bin Isma'il daripada gurunya Sulaiman bin al-Mughīrah. As-Shan'āni mengatakan bahawa dalam semua nuskah Bukhāri, riwayat yang kedua ini tiada, boleh jadi Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar mempunyai nuskah yang lain. Tetapi riwayat kedua ini ada di dalam nuskah al-Firabri sahaja, itulah nuskah yang dipilih penulis dan disokong dengan beberapa hujjah yang mematahkan pendapat Ḥāfīzh Ibnu Ḥajar tentang Sulaiman bin al-Mughīrah bahawa Imam Bukhari tidak berhujah dengannya atau dengan kata lain dia perawi yang tidak menepati syarat Bukhāri.

'Ulama' yang tidak menyokong pendapat ini mengatakan bahawa ketiadaan riwayat kedua ini dalam nuskah lain menunjukkan Imam Bukhāri sebenarnya telah membuangnya dan mengira Sulaiman tidak menepati syarat untuk riwayat *ushul* Sahih Bukhari. Selain daripada kenyataan al-'Aini tadi, al-Firabri juga mempunyai kelebihan sebagai murid Imam Bukhāri yang sentiasa melaziminya, membolehkannya untuk mengetahui penambahan yang dibuat oleh Imam Bukhāri sepanjang pengajarannya dan beliau juga turut serta dalam kelas terakhir Imam Bukhāri. Kerana itu nuskahnya dianggap sebagai nuskah yang paling mu'tabar.